

Prosiding Seminar Serantau Ke-2 Pengurusan Persekitaran di Alam Melayu

/—————\
4
v—————J

**KOLEJ KEDIAMAN LESTARI [KKL] DI MALAYSIA:
KAJIAN AWALAN TERHADAP KESESUAIAN KONSEP**

Haryati Shafii¹, Seow Ta Wee¹ & Azlina Md Yassin¹

ABSTRAK

Pembangunan lestari yang berlangsung di Malaysia telah mengadaptasi teknologi dari luar sebagai menyahut sokongan padu terhadap konsep pembangunan lestari yang telah diterimapakai oleh seluruh dunia. Pembangunan lestari diperlukan bagi memastikan aspek ekonomi, alam sekitar dan sosial dapat diseimbangkan bersesuaian dengan garis panduan yang diwartakan dalam Dasar Alam Sekitar Negara (DASN). Pembangunan lestari bukan sahaja diperlukan dalam membangunkan bangunan kediaman, komersil, pentadbiran dan pengurusan, bahkan juga harus mencakupi bangunan untuk kediaman pelajar. Justeru, penulisan ini cuba mengupas isu kualiti hidup dan persekitaran kolej kediaman pelajar universiti yang sering kali dipersoal keselesanya. Konsep Kolej Kediaman Lestari (KKL) yang cuba digarapkan dalam kajian ini adalah dengan mengambilkira prinsip, perancangan dan garis panduan yang akan dihasilkan bagi mengatasi kelemahan reka bentuk kolej kediaman yang sedia ada. Ianya merangkumi enam elemen iaitu aspek kualiti hidup-sosial, alam sekitar, perancangan, fasiliti dalam dan luar bangunan, reka bentuk bangunan dan landskap kolej kediaman bagi mencapai kesejahteraan hidup pelajarannya. Selain itu turut mencadangkan reka bentuk yang dapat mewujudkan suasana persekitaran lestari bagi kehidupan dan pembelajaran pelajar dengan mengambilkira aspek alam sekitar, budaya, sosial dan iklim setempat.

Kata kunci: Kolej Kediaman Lestari (KKL), Kualiti Hidup, Persekitaran, Reka bentuk

PENGENALAN

Malaysia merupakan antara negara yang melihat bahawa sistem pendidikan merupakan satu pelaburan dalam menghasilkan modal insan yang berkualiti yang akan memberi sumbangan kepada negara. Penekanan terhadap pendidikan bukan sahaja melihat dalam skop sistem pembelajaran yang komprehensif, bahkan mencakupi kualiti hidup pelajar yang mendiami sesebuah penempatan atau dengan kata lain kolej kediaman pelajar. Di sini pelajar akan ditempatkan bermula atau seawal tahun pertama hingga sesi pembelajaran berakhir kelak. Di sinilah tempat tinggal pelajar sepanjang tempoh sesi pengajian, iaitu tempat mereka bersosial, berehat, belajar dan mengulangkaji pelajaran, melakukan aktiviti riadah dan sebagainya. Jika diteliti kolej kediaman fungsinya bukan setakat tempat pelajar tidur bahkan lebih besar peranannya. Justeru, ruang yang selesa dan harmoni perlu diwujudkan dengan menekankan konsep kelestarian iaitu Kolej Kediaman Lestari (KKL) yang cuba diketengahkan supaya lebih ideal. Pentingnya kualiti kolej kediaman dipertingkatkan bagi melengkapkan kualiti pendidikan seterusnya dapat menghasilkan modal insan yang lebih cemerlang.

Kesedaran terhadap pembangunan lestari pada peringkat dunia telah lama wujud sejak beberapa dekad yang lalu. Permulaan kesedaran terhadap pembangunan lestari bermula ketika Persidangan Kemucak Alam Sekitar dan Pembangunan pada tahun 1972. Inisiatif yang padu di peringkat dunia telah menghasilkan Agenda 21 pada penutup persidangan kemucak dunia di Rio de Janeiro pada tahun 1992, diikuti perbincangan dan persidangan di peringkat antarabangsa, nasional dan pembuat dasar bagi menunjukkan sokongan dan kematangan berkaitan pemuliharaan terhadap alam sekitar untuk generasi hari ini dan masa hadapan.

Sejarah telah membuktikan bahawa akibat daripada pembangunan yang drasik tanpa perancangan selain meminggirkan aspek kelestarian telah menghasilkan kesan yang negatif kepada masyarakat dan persekitaran. Revolusi perindustrian di Eropah misalnya, telah mencatatkan perubahan yang drasik ke atas ruang persekitaran bandar di kebanyakan negara di Eropah dan Amerika. Revolusi ini telah mencetuskan perubahan iaitu daripada sebuah pekan yang kecil kepada sebuah bandar yang sibuk dan sesak dengan manusia, kenderaan, kilang perindustrian dan sebagainya. Sistem perparitan dan saluran serta kawasan hijau telah diabaikan. Keadaan ini telah menyebabkan ketiadaan kawasan hijau untuk aktiviti riadah dan berehat (Amelia 2009).

Justeru, menurut Faludi (1973), perancangan memerlukan tindakan yang perlu diambil, iaitu perlu dikenalpasti bermula di peringkat penggubalan matlamat, pelan alternatif, penilaian, implementasi dan sebagainya. Oleh yang demikian, dalam konteks penulisan ini, matlamatnya telah jelas adalah untuk menggarap konsep KKL yang merujuk kepada pembangunan lestari, iaitu elemen-elemen lestari cuba diaplikasikan pada kolej kediaman pelajar. Kajian ini masih berada pada tahap awalan, justeru penulisan ini ingin meneliti dari segi kesesuaian konsep dan perlaksanaannya di kolej kediaman bagi universiti awam di Malaysia.

LATAR BELAKANG PENYELIDIKAN

Kerajaan Malaysia memandang serius pembangunan lestari seperti mana yang tercatat dalam agenda pembangunan negara. Perlaksanaan ini merangkumi taraf hidup, memperkenalkan sistem pembangunan lestari, memelihara serta memuliharaan alam sekitar, pengurusan sumber bekalan, manusia, institusi dan infrastruktur (Mohd Mahazan Mohd Hamim 2008). Pembangunan lestari ini menumpukan kepada tiga dasar utama iaitu alam semulajadi, ekonomi dan sosial. Dasar alam sekitar amnya banyak memberi penekanan kepada isu-isu berikut: pengeluaran gas dari sistem rumah hijau; peredaran terhadap udara; pencemaran terhadap tanah; penggunaan terhadap sumber yang boleh diperbaharui dan tidak boleh diperbaharui; reka bentuk, seni bina dan landskap serta pengurusan sisa (Sam C M Hui 2002).

Namun, tahap kelestarian sesuatu pembangunan sukar untuk diukur kerana keadaan sesuatu tempat, kesan global, dan beberapa faktor lain seperti mutu sistem penilaian, dan sebagainya. Elemen-elemen lestari berdasarkan faktor tempatan dan setempat perlu diambil kira dalam mengukur tahap kelestarian dalam sistem ini.

Perancangan dan pembangunan sesebuah kampus universiti memerlukan satu garis panduan khusus bagi memastikan kampus tersebut dapat memenuhi piawaian tertentu seperti aspek reka bentuk bangunan dan persekitarannya. Kualiti perancangan dan reka bentuk perlulah efektif dalam memenuhi keperluan pelajar khususnya dalam konteks penyediaan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran di samping pembangunan sahsiah (Shuhana Shamsuddin et. al 2007). Cetusan kepada penekanan konsep ini adalah dengan mengambil kira perancangan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga Malaysia (2000-2010) iaitu;

“Universiti bukan sahaja berfungsi melahirkan tenaga kerja pada masa hadapan, tetapi juga menjadi pusat bagi menghasilkan modal intelektual dan pengetahuan baru”.

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan ilagipotensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan isan yang seimbang dan

harmonis dari segi intelek, emosi dan jasmani. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”.

Falsafah Pendidikan Negara-50 Tahun Pembangunan Tinggi di Malaysia (1957-2007)

ISU DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Isu kelestarian telah lama menjadi wahana yang hebat diperbincangkan, baik di peringkat pembuat dasar dan keputusan dan juga pihak perancang dan pelaksana. Terkini perhatian terhadap isu ini semakin mendapat perhatian dan sering diperdebatkan sama ada dalam persidangan, seminar, *workshop* dan meja bulat baik di peringkat kebangsaan mahupun peringkat antarabangsa adalah berkenaan dengan isu kualiti hidup dan kesejahteraan komuniti dalam menghuni sesebuah tempat tinggal dan lokaliti. Tempat tinggal yang cuba diperjelaskan di sini turut mencakupi kolej kediaman pelajar yang merupakan tempat tinggal pelajar sebagai modal insan dalam meningkatkan pengetahuan di universiti dan seterusnya memberi sumbangan kepada negara.

Kualiti hidup dan persekitaran kolej kediaman pelajar di universiti seringkali dipersoalkan. Persoalan ini menjurus kepada aspek kualiti hidup, alam sekitar, perancangan, fasiliti dalam dan luar bangunan, reka bentuk, landskap kolej kediaman bagi mencapai kesejahteraan hidup pelajar di dalamnya. Selain itu, konsep dayahuni (*livable*) turut digemblengkan dalam penyelidikan ini bagi meneliti kelestarian kolej kediaman dalam konteks pembangunan lestari (Abdul Samad Hadi et.al 2008). Penyelidikan ini melihat, selain daripada penempatan penduduk, kolej kediaman pelajar juga wajar mempertimbangkan konsep ini. Ianya mungkin sesuatu yang baharu, walau bagaimanapun ianya memberi makna yang besar, jika pertimbangan terhadap konsep ini turut diselitkan dalam mewujudkan Kolej Kediaman Lestari.

Dalam Konsep dayahuni membawa makna bahawa penduduknya sentiasa ‘ceria’, sibuk dengan pelbagai aktiviti dalam persekitaran ekonomi, sosial dan fizikal yang segar, hening kehijauan, selamat, menarik dan sihat (Casselati 1997; Cities (PLUS) 2003; Girardet 2004; Salzano 1997). Pendekatan ini membolehkan pemerhatian atau kajian dapat dijalankan melalui ruang dan masa dalam satu jangka masa singkat seperti dalam satu putaran harian, mingguan atau bulanan. Sesuatu kolej kediaman pelajar yang berdayahuni itu boleh diterima sebagai telah lestari dan seterusnya menjelmakannya sebagai sebuah pembangunan yang lestari.

Konsep pembangunan lestari mendasari hampir kesemua pembangunan sosial dan ekonomi sejak 1980an, terutama selepas persidangan di Rio de Janeiro, Brazil 1992 (Abdul Samad Hadi et.al 2008). Konsep ini menekankan tiga dimensi penting dan saling berkaitan dalam pembangunan sesebuah negara iaitu dimensi pertumbuhan alam sekitar, ekonomi dan sosial. Dalam konteks mewujudkan Kolej Kediaman Lestari di universiti, ketiga-tiga dimensi ini digabungkan bagi menghasilkan pembangunan kolej lestari, yang mana menekankan kelangsungan sumber dan kehidupan untuk dinikmati oleh generasi pada hari ini dan akan datang.

MATLAMAT PENYELIDIKAN

Matlamat kajian ini adalah untuk mengenalpasti kriteria reka bentuk persekitaran Kolej Kediaman pelajar dan akhirnya akan mengemukakan cadangan bagi membentuk rangka kerja bagi garis panduan dan kriteria reka bentuk persekitaran kolej kediaman lestari di Malaysia.

JUSTIFIKASI PENYELIDIKAN

Penyelidikan yang dicadangkan ini belum pernah dijalankan oleh mana-mana penyelidik lain. Di antara justifikasi yang kukuh bagi menjalankan penyelidikan ini ialah;

- (i) Kewajaran kajian ini dijalankan adalah dengan mengambilkira hasrat Malaysia yang bercita-cita menyediakan sistem pendidikan yang “*World Class*”, maka wajarlah penyediaan dan kualiti prasarana, perkhidmatan dan penyelenggaraan, landskap, kualiti alam sekitar, fasiliti dalam dan luar bangunan serta reka bentuk bangunan kolej pelajar adalah berteraskan keselesaan dan kesejahteraan penghuninya. Kewajarannya dengan melihat kepada keperluan pelajar tempatan dan luar negara.
- (ii) Hanya Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 2007 pernah menjalankan penyelidikan dengan menfokuskan pembinaan kampus kondusif, dan bukannya melihat kepada kolej kediaman pelajar.
- (iii) Berdasarkan penelitian, setakat ini wujud piawaian yang begitu minimum berkait dengan perancangan kampus di Malaysia. Itupun, agak terhad kerana yang menfokuskan kepada kolej kediaman pelajar sukar ditemui. Setakat ini terdapat satu garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri berkenaan perancangan bangunan yang mengambilkira dari segi rekabentuk bangunan sahaja.

Objektif kajian ini adalah;

- i. Menilai keadaan semasa kolej kediaman dari perspektif elemen-elemen lestari, reka bentuk, susun atur dan kualiti persekitaran mengikut kluster universiti.
- ii. Menilai kepuasan dan keperluan pelajar terhadap kemudahan, kualiti, reka bentuk dan persekitaran kolej kediaman.
- iii. Menentukan kriteria dan kesesuaian elemen yang diperolehi untuk digunapakai bagi membangunkan garis panduan dan kriteria reka bentuk persekitaran kolej kediaman lestari di Malaysia.

KESESUAIAN KONSEP KOLEJ KEDIAMAN LESTARI (KKL)

Konsep yang cuba diketengahkan ini adalah dengan cuba menggarap konsep kelestarian dan dayahuni bandar yang dilihat mempunyai kesesuaian untuk diaplikasi di kolej kediaman pelajar. Konsep kelestarian adalah dengan melihat kepada tiga dimensi iaitu dari segi elemen alam sekitar, ekonomi dan sosial. Manakala konsep daya huni bandar pula mengetengahkan makna kepada keadaan pelajar-pelajar ini kelak dapat menetap dalam keadaan ‘ceria’, sibuk dengan pelbagai aktiviti dalam persekitaran ekonomi, sosial dan fizikal yang segar, hening kehijauan, selamat, menarik dan sihat (Casseleti 1977). Jadi melalui pendekatan ini dijangkakan dapat mewujudkan satu penempatan untuk pelajar di sesebuah kolej kediaman yang lestari yang akhirnya menyumbang kepada modal insan yang lebih cemerlang.

Kajian ini turut membawa pendekatan kualiti alam sekitar dan reka bentuk persekitaran sebagai konsep yang mendasari Kolej Kediaman Lestari yang membawa kepada kesejahteraan hidup penghuninya. Konsep ini penting kerana ia membawa kepada peningkatan kualiti hidup, persekitaran dan seterusnya menyumbang kepada kecemerlangan akademik pelajar.

Isu kelestarian dan dayahuni adalah menjadi persoalan pokok yang cuba dikupas dan diperjelaskan supaya pelajar yang berada di situ, tidak terhimpit dan tertekan dari segi kapasiti pelajarannya yang semakin bertambah, tetapi keperluan kemudahan dan perkhidmatan yang tiada peningkatan, meliputi kemudahan sosial, perkhidmatan dan sebagainya.

SKOP PENYELIDIKAN

Skop kajian ini adalah untuk mengenalpasti kriteria reka bentuk persekitaran Kolej Kediaman Pelajar dengan mengambil kira kapasiti pelajar yang semakin bertambah. Kajian akan dijalankan dengan membahagikan sampel penyelidikan kepada empat kluster universiti iaitu Universiti Penyelidikan, Universiti Komprehensif dan Universiti Berfokus. Setiap Kluster universiti ini akan diambil sampel sebanyak tiga buah universiti, bagi melihat kelemahan dan keperluan pelajar dalam mendiami sesebuah kolej kediaman. Dicadangkan satu kajian penunjuk aras ke atas empat buah universiti terkemuka di Jepun, empat buah universiti di Australia dan empat buah universiti di Britian untuk mengenalpasti pendekatan reka bentuk serta aspek yang dipertekankan dalam perancangan kolej kediaman pelajar univesiti.

KESIMPULAN

Malaysia merupakan antara negara yang melihat bahawa sistem pendidikan merupakan satu pelaburan dalam menghasilkan modal insan yang berkualiti yang akan memberi sumbangan kepada negara. Penekanan terhadap pendidikan bukan sahaja melihat dalam skop sistem pembelajaran yang komprehensif, bahkan mencakupi kualiti hidup pelajar yang mendiami sesebuah penempatan atau dengan kata lain kolej kediaman pelajar. Sehubungan dengan itu, pentingnnya kolej kediaman yang berkualiti kerana ia merupakan penempatan di mana para pelajar melakukan aktiviti seperti mengulangkaji pelajaran, beristirahat, menjalankan aktiviti riadah dan sebagainya. Jadi ruang yang selesa dan harmoni perlu diwujudkan dengan penekanan kepada konsep Kolej Kediaman Lestari yang lebih ideal. Justeru, pentingnnya kualiti kolej kediaman dipertingkatkan bagi melengkapkan kualiti pendidikan seterusnya menghasilkan modal insan yang cemerlang.

PENGHARGAAN

Penulisan makalah ini adalah merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan awal bagi grant RAGS daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT). Penulis menzahirkan ribuan terima kasih kepada KPT dan juga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang melulus dan menyokong kepada perbentangan makalah ini.

RUJUKAN

- Abdul Samad Hadi, Shaharuddin Idrus, Abdul Hadi herman Shah & Ahmad Fariz Mohamed.2008. *Dayahuni Bandar (Urban Livability)*. Lestari. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amelia _____. 2009. Dlm. Mohd Mahazan Mohd Hamin. 2008. Identifikasi elemen-elemen lestari untuk pengelasan bangunan –rumah kediaman. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Casselati, A. 1997. “*The Nature of Livability*” in Lennard, SH et.al (eds). Making cities Livable. International making cities livable conference. California, USA. Godolier Press.
- Cities (PLUS).2003. *A sustainable Urban System: The Long-term Plan For Grater Vancouver*. Vancouver Canada.
- Faludi _____. 1973. Mohd Mahazan Mohd Hamin. 2008. Identifikasi elemen-elemen lestari untuk pengelasan bangunan –rumah kediaman. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Falsafah Pendidikan Negara-50 Tahun Pembangunan Tinggi di Malaysia (1957-2007). 2007. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Girardet, H. 2004. *Cities people Planet: Liveable Cities for a Sustainable World*. Chicherster: John Wiley & Sons Ltd.

- Mohd Mahazan Mohd Hamin. 2008. Identifikasi elemen-elemen lestari untuk pengelasan bangunan –rumah kediaman. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Salzano, E. 1997. “*Seven Aims Of The Liavble City*” in Lennard, Sh et.al (eds). Making Cities Livable. International making Cities Livable Conference, California, USA. Godolier.
- Shuhana Shamsuddin, Ahmad Bashri Sulaiman, Hasanuddin Lamit, Rozeyta Omar, Norsiah Abd Aziz & Masliyana Md. Noor. 2007. *Perancangan dan Reka Bentuk Kampus Kondusif*. Kompendium. Universiti Teknologi Malaysia.